



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEASE CONTROL DIVISION
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 3,4 DAN 6, BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA


Tel : 03-88834527
Faks : 03-88886270

Ruj Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 4 (35)
Tarikh : 26 Ogos 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)


DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG
(MMC 264/3)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 33/2021 (15 Ogos hingga 21 Ogos 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia




KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 33/2021 dari 15 Ogos hingga 21 Ogos 2021)

Pada minggu ke-33, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan sebanyak 10 kes (2.4%), menjadikan jumlah kes 410 berbanding 420 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-33. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 17,532 kes berbanding 68,097 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 74.3% (50,565 kes), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 10 kematian berbanding 112 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 102 kematian (91.1%) **(Lampiran A & C)**. Bilangan lokasi hotspot berkurang sebanyak enam (6) lokaliti menjadikan sejumlah 10 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-33 berbanding 16 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Sebanyak sembilan (9) lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor dan satu (1) lokaliti hotspot berada WPKL & Putrajaya. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 10 kes pada minggu ke-33 yang mana tujuh (7) kes dari Selangor dan masing-masing satu (1) kes dari WPKL & Putrajaya, Melaka serta Kelantan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 907 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 1,029 sampel darah dan 26 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-64 dengan tema Malaysia Prihatin, setiap lapisan masyarakat perlu mempunyai sikap prihatin terhadap kesihatan diri dan kebersihan persekitaran kita. Justeru, pastikan segala sampah, barang lusuh dan bahan buangan dilupuskan di tempat pelupusan yang sesuai agar tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Semua bekas yang berpotensi menampung air contohnya lapik pasu bunga, palung air hujan, bekas makanan haiwan ternakan dan sebagainya perlu dibubuh bahan pembunuh jentik-jentik. Lakukan juga semburan aerosol di dalam rumah untuk membunuh nyamuk dewasa yang infektif. Sekiranya ada anggota yang mempunyai gejala Demam Denggi seperti demam, sakit belakang mata, sakit kepala serta sakit sendi/ otot, dapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan terdekat. Keprihatinan terhadap kebersihan diri dan kelestarian persekitaran dapat mengelakkan dari bahaya ancaman maut Denggi. Selamat menyambut Hari Kebangsaan ke-64. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
30 Ogos 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi Minggu ke- 32 dan ke- 33 Tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga Minggu ke- 33 Tahun 2021 dan Tempoh Sama Tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan Tren Kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah Lokaliti Hotspot Denggi Minggu ke-33 Tahun 2021

Lampiran C

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 33/2021
(15 Ogos hingga 21 Ogos 2021)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 33/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 33/2020	
		Minggu 33 (15 Ogos – 21 Ogos 2021)		Minggu 32 (8 Ogos – 14 Ogos 2021)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	0	0	0	0	16	0	55	0
2	Kedah	3	0	10	0	363	0	632	0
3	P. Pinang	1	0	11	0	283	0	719	2
4	Perak	11	0	14	0	416	1	2,273	3
5	Selangor	296	0	254	0	10,314	2	35,401	34
6	WP KL & Putrajaya	31	0	54	0	2,054	1	7,816	6
7	N. Sembilan	9	0	7	0	398	1	2,079	7
8	Melaka	4	0	6	0	451	0	1,704	5
9	Johor	20	0	20	0	1,376	1	7,409	28
10	Pahang	8	0	7	0	318	1	2,100	6
11	Terengganu	0	0	1	0	31	0	291	0
12	Kelantan	4	0	5	0	140	0	3,234	5
13	Sarawak	4	0	7	0	267	0	1,244	2
14	Sabah	19	0	24	0	1,101	3	3,135	14
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	5	0
	MALAYSIA	410	0	420	0	17,532	10	68,097	112

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 33/2021
(15 Ogos hingga 21 Ogos 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 11/3	17	81
2	SELANGOR	Petaling	E5. Sek U5 (Subang Murni Teres : Jln U5/140-162)	12	68
3	SELANGOR	Petaling	E13. Tmn Perindustrian Sime UEP Subang (Jln Tp)	25	67
4	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 2/2	20	54
5	SELANGOR	Petaling	E14. USJ 16 (Sri Tanjung)	17	52
6	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Teratai TBR BB	9	46
7	SELANGOR	Petaling	E9. Kt SS 2 (1) [Jln SS 2/1-2/4, 2/4a,4b, 2/5-2/23, 2/25, 2/25a]	10	44
8	WPKL	Titiwangsa	Desa Tun Hussein Onn (Blok G1-G5)	6	43
9	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 3 Bandar Teknologi	7	40
10	SELANGOR	Petaling	E8. Bu SS 24 (2) [Jln Ss 24/1, 24/12, 24/14, 24/15, 24/16, 24/17]	13	40

Lampiran E

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 33/2021 (21 Ogos 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Johor	Johor Bahru	17	94
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	33	
		Tangkak	38	
2.	Kedah	Baling	4	122
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	90	
		Kulim	22	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
3.	Kelantan	Gua Musang	1	23
		Kota Bharu	6	
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	1	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	1	
		Tumpat	10	
4.	Melaka	Alor Gajah	4	27
		Jasin	1	
		Melaka Tengah	22	
5.	Negeri Sembilan	Seremban	4	4
6.	Perak	Kinta	9	176
		Kuala Kangsar	30	
		Larut Matang & Selama	28	
		Manjung	109	
7.	Pulau Pinang	Barat Daya	30	46
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	7	
8.	Selangor	Gombak	27	139
		Hulu Langat	51	
		Hulu Selangor	1	
		Klang	50	
		Petaling	4	
		Sepang	6	

9.	WP Kuala Lumpur	Cheras	39	275
		Kepong	100	
		Lembah Pantai	37	
		Titiwangsa	99	
10.	Perlis	Kangar	1	1
JUMLAH KUMULATIF			907	